Dato' Malik & Salemah Enterprise lwn Mohd Azmi bin Mohd Ali dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S1(S3)–21–128 TAHUN 2000
BALIA YUSOF H
23 JUNE 2009

Prosedur Jenayah — Tangkapan — Tanpa waran — Sama ada 'seizable offence' dilakukan — Sama ada keterangan prima facie tentang kesalahan diperlukan sebelum tangkapan boleh dibuat — Sama ada syak wasangka yang munasabah mencukupi bagi tangkapan — Sama ada penahanan lanjut wajar — Kanun Prosedur Jenayah s 117

Tort — Penangkapan salah — Tindakan terhadap polis — Sama ada perintah reman teratur dan sah — Kanun Prosedur Jenayah s 117 — Polis bertindak secara bona fide dalam menjalankan tugasnya — Perintah tahanan reman merupakan 'judicial act' oleh majistret — Sama ada tindakan boleh diambil terhadap polis dalam menjalankan tugas rasminya — Imuniti di bawah s 32(i) Akta Polis 1957

Plaintif di dalam kes S1(S3)–21–128 Tahun 2000 memiliki lesen membalak di kawasan hutan di Jajahan Hulu Kelantan manakala empat individu di dalam kes S1(S3)–21–129 Tahun 2000 adalah terdiri daripada pekerjanya. Pada 14 September 1997, defendan pertama (seorang anggota polis) telah menangkap dan menahan seramai 19 orang pekerja-pekerja Dato' Malik & Salemah Enterprise di kawasan pembalakan di Hulu Kelantan. Terdahulu daripada tangkapan tersebut, defendan pertama (SD2) telah menerima arahan daripada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Kelantan untuk menerima aduan daripada SD1 berkaitan dengan kegiatan mencuri kayu balak di kawasan Gua Musang Kelantan. SD1 adalah seorang penyiasat bebas bagi kegiatan mencuri kayu balak di negeri Kelantan yang mendakwa bahawa beliau telah dilantik oleh Menteri Besar Kelantan. Permohonan reman di bawah s 117 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') telah dibuat terhadap tahanan berkenaan. Hasil siasatan yang dilakukan oleh defendan pertama menunjukkan bahawa tiada apa-apa perlanggaran Akta Perhutanan Negara 1984 seperti yang telah dimaklumkan oleh Jabatan Hutan Negeri Kelantan. Plaintif-plaintif mendakwa bahawa tahanan yang dibuat ke atas mereka adalah tidak sah dan syarikat pula telah mengalami kerugian di atas penahanan kayu balak dan operasi membalak yang tergendala disebabkan

A oleh tangkapan dan penahanan tersebut. Plaintif-plaintif telah menuntut bagi deklarasi bahawa tahanan dan pemenjaraan tersebut tidak sah, ganti rugi dan permintaan ampun disiarkan di dalam akhbar. Isu untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada tangkapan dan penahanan tersebut adalah sah di sisi undang-undang.

B

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif-plaintif:

(1) SD2 sebagai seorang anggota polis mempunyai kuasa untuk
C menangkap tanpa waran ke atas sesiapa yang melakukan 'seizable offence' sekiranya 'a reasonable complaint has been made or credible information has been received or a reasonable suspicion exist'. Kuasa ini termaktub di bawah s 23(i)(a) KPJ. Tiada keperluan bagi pihak defendan untuk membuktikan bahawa terdapat keterangan prima facie
D tentang kesalahan yang dilakukan oleh pihak tahanan sebelum tangkapan boleh dibuat. SD2 mempunyai alasan dan syak wasangka yang munasabah bagi melaksanakan tangkapan dan membuat tahanan tersebut. Penahanan lanjut di bawah s 117 KPJ adalah wajar bagi SD2 menjalankan siasatan lanjut (lihat perenggan 10, 12 & 13).

E

(2) Perintah tahanan reman yang diperolehi oleh SD2 bagi penahanan lanjut adalah merupakan 'judicial act' oleh majistret yang mengeluarkan perintah tersebut. Tiada tindakan boleh diambil terhadap defendan pertama atau mana-mana anggota polis yang menjalankan tugas rasminya. Seksyen 32(i) Akta Polis 1957 memberikan imuniti kepada
F beliau. Tambahan pula penahanan lanjut tersebut adalah merupakan pematuhan kepada suatu 'lawful order' yang dibuat oleh badan yang kompeten dan dengan 'lawful authority' (lihat perenggan 14).

(3) Tiada sebarang bukti tentang 'mala fide' di pihak defendan pertama di
G dalam melakukan tangkapan tersebut. Beliau telah bertindak secara 'bona fide' di dalam menjalankan tugasnya sebagai pegawai penyiasat (lihat perenggan 16).

[English summary

H

The plaintiff in case S1(S3)–21–128 of 2000 obtained a timber license in forest areas in Jajahan Hulu Kelantan while four individuals in case S1(S3)–21–129 of 2000 were his employees. On 14 September 1997, the first defendant (a police personnel) caught and arrested as many as 19
I employees of Dato' Malik & Salemah Enterprise at logging area in Hulu Kelantan. Prior to the arrest, the first defendant (SD2) received instructions from the Chief of Kelantan State Criminal Investigation Department to accept a complaint from SD1 in connection with timber stealing activities in Gua Musang Kelantan area. SD1 is an independent investigator for timber

stealing activities in Kelantan state who claimed that he had been appointed by the Chief Minister of Kelantan. The remand application under s 117 of the Criminal Procedure Code ('CPC') were made against the detainees. The result of the investigation conducted by first defendant showed no infringement of the National Forestry Act 1984 as was informed by the Kelantan State Forest Department. The plaintiffs claimed that their detention was illegal and the company had suffered losses over the seizure of the timbers and logging operation was disrupted due to the arrest and detention. The plaintiffs demanded for a declaration that the detention and imprisonment was illegal, damages and an apology published in the newspaper. The issue to be decided by the court is whether the arrest and detention were lawful.

Held, dismissing the plaintiff's claim:

(1) SD2 as a police officer had the power to arrest without a warrant on anyone who commits seizable offence if a reasonable complaint has been made or a credible information has been received or a reasonable suspicion exist. This power is embodied under s 23(i)(a) of the CPC. There was no requirement for the defendants to prove that there was prima facie evidence of the offence committed by the detainees before the arrest could be made. SD2 had reasonable grounds and suspicion for the arrest and detention. Further detention under s 117 of the CPC is justified to enable SD2 carry out further investigation (see paras 10, 12 & 13).

(2) The remand order obtained by SD2 for further detention is a judicial act by the magistrate who issued the order. No action could be taken against the first defendant or any police personnel who carried out his official duty. Section 32(i) of the Police Act 1957 gives immunity to him. In addition the further detention is in compliance to a lawful order which was made by a competent body and with lawful authority (see para 14).

(3) There was no evidence of 'mala fide' on the part of first defendant in making the arrest. He had acted 'bona fide' in conducting his duty as the investigating officer (see para 16).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai tindakan terhadap polis, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1819.

Untuk kes-kes mengenai tangkapan tanpa waran, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 790–796.

Kes-kes yang dirujuk

Ramly & Ors v Jaffar [1968] 1 MLJ 209, MP (dirujuk)

A *Saul Hamid bin Pakir Mohamad v Inspektor Abdul Fatah bin Abdul Rahman & Anor* [2007] 6 MLJ 47; [2007] 5 CLJ 93, MR (dirujuk)
Madjai bin Sanusi v Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors [2000] 5 MLJ 116; [1999] 7 CLJ 569, MT (dirujuk)

B **Undang-undang yang dirujuk**
Akta Perhutanan Negara 1984 ss 88, 106, 107
Akta Polis 1957 s 32(i)
Kanun Keseksaan s 379
Kanun Prosedur Jenayah ss 23(i)(a), 112, 113, 117

C *Fahri Azzat (Audrey Quah bersama-samanya) (Azzat & Izzat) bagi pihak plaintif.*
Mohd Al Saifi (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan-defendan.

D **Balia Yusof H:**

[1] Tuntutan plaintif-plaintif dalam kes yang telah digabungkan ini terhadap defendan-defendan adalah bagi mendapatkan relief-relief seperti
E berikut:

(i) satu deklarasi bahawa tahanan dan penjaraan pekerja-pekerja plaintif di antara 14 September 1997 dan 20 September 2007 oleh defendan-defendan adalah tidak sah dan telah memungkiri ss 88, 106 dan 107 Akta Perhutanan Negara 1984;
F

(ii) ganti rugi am akibat tahanan dan penjaraan yang tidak sah yang telah menjejaskan operasi pembalakan plaintif;

(iii) permintaan ampun daripada defendan-defendan kepada plaintif-plaintif untuk disiarkan di dalam akhbar *New Straits Times*, *Star*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan *Nan Yang Siang Pau*;
G

(iv) ganti rugi khas;

(v) faedah;

H (vi) kos; dan

(vii) apa-apa perintah lain yang mahkamah fikir berpatutan dan adil.

FAKTA

I

[2] Di dalam kes S1(S3)–21–128 Tahun 2000 pihak plaintif adalah merupakan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Dato' Malik & Salemah Enterprise, manakala di dalam kes S1(S3)–21–129 Tahun 2000 plaintif-plaintif adalah terdiri dari empat orang individu yang menuntut

terhadap defendan relief-relief yang disebutkan terdahulu di dalam penghakiman ini. Kedua-dua kes ini telah digabungkan memandangkan tuntutan kesemua plaintif-plaintif adalah sama dan terhadap defendan-defendan yang sama.

[3] Pihak plaintif di dalam kes S1(S3)–21–128 Tahun 2000 memiliki lesen membalak di kawasan hutan di Jajahan Hulu Kelantan manakala empat individu di dalam kes S1(S3)–21–129 Tahun 2000 adalah terdiri daripada pengurus syarikat berkenaan dan tiga orang pekerjanya. Pada 14 September 1997, defendan pertama yang merupakan seorang anggota polis berpangkat Chif Inspektor, telah pada jam 9.30 pagi membuat tangkapan ke atas seramai 19 orang pekerja-pekerja syarikat Dato' Malik & Salemah Enterprise di kawasan pembalakan di Hulu Kelantan dan menahan pekerja-pekerja berkenaan di Balai Polis Gua Musang. Laporan tangkapan tersebut telah dibuat oleh defendan pertama pada jam 5.30 petang pada hari yang sama.

[4] Terdahulu daripada tangkapan tersebut, defendan pertama telah pada 1 September 1997 menerima arahan daripada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Kelantan untuk menerima aduan daripada SD1 berkatian dengan kegiatan mencuri kayu balak di kawasan Hutan Post Brook, Gua Musang Kelantan. Berikutan dengan aduan tersebut defendan pertama telah dengan ditemani oleh SD1 pergi ke kawasan hutan tersebut pada 10, 12 dan 13 September 1997 untuk menjalankan siasatan polis di bawah s 379 Kanun Keseksaan. Di dalam siasatannya defendan pertama mendapati hanya terdapat papan tanda pada Blok 1 di kawasan pembalakan tersebut manakala bagi kawasan-kawasan lain di dalam Blok 2, 3, 4 dan 5 tiada terdapat apa-apa papan tanda yang menunjukkan kawasan tersebut ada mempunyai lesen pembalakan.

[5] SD1 adalah merupakan seorang penyiasat bebas bagi kegiatan mencuri kayu balak di negeri Kelantan yang telah menjalankan siasatan secara sukarela dan beliau mendakwa telah dilantik oleh Menteri Besar Kelantan dan telah bergiat sejak tahun 1990 hingga ke tarikh kejadian dalam kes ini. Penyiasatan di tempat kejadian telah dilakukan oleh SD1 sendiri selama dua bulan 13 hari sebelum membuat aduan polis tersebut.

[6] Pada 15 September 1997 permohonan reman di bawah s 117 Kanun Prosedur Jenayah telah dibuat oleh defendan pertama terhadap tahanan berkenaan di hadapan Pegawai Daerah Gua Musang. Kesemua tahanan telah dibebaskan pada 20 September 1997 dengan jaminan polis. Di dalam tempoh penahanan tersebut percakapan tahanan-tahanan tersebut di bawah ss 112 dan 113 Kanun Prosedur Jenayah telah dirakamkan oleh defendan pertama sebagai sebahagian daripada siasatan yang beliau jalankan mengenai

kes kecurian balak tersebut. Pada 21 September 1997 defendan pertama juga telah memulangkan barang-barang rampasan yang telah dirampas semasa tangkapan tersebut dilakukan.

[7] Hasil siasatan yang dilakukan oleh defendan pertama menunjukkan bahawa tiada apa-apa perlanggaran Akta Perhutanan seperti yang telah dimaklumkan oleh Jabatan Hutan Negeri Kelantan. Pihak plaintif-plaintif mendakwa bahawa tahanan yang dibuat ke atas mereka adalah tidak sah dan syarikat pula telah mengalami kerugian di atas penahanan kayu balak dan operasi membalak yang tergendala disebabkan oleh tangkapan dan penahanan yang dibuat oleh pihak defendan. Pihak plaintif juga menyatakan bahawa siasatan menunjukkan pihak mereka tidak melanggar kawasan pembalakan dan telah tidak melakukan apa-apa kesalahan. Pihak plaintif seharusnya dipampas dengan ganti rugi di atas penahanan salah dan kerugian yang dialami.

ISU

[8] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada tangkapan yang dilakukan oleh defendan pertama pada 14 September 1997 tersebut dan seterusnya penahanan yang dibuat ke atas plaintif-plaintif di dalam kes ini adalah sah di sisi undang-undang.

KEPUTUSAN

[9] Di dalam menentukan sama ada terdapat sebab dan alasan yang munasabah untuk defendan pertama melakukan tangkapan, segala fakta dan keadaan kes adalah perlu diambilkira dan diberi pertimbangan dan hendaklah ditentukan secara objektif dan mestilah berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan di dalam mahkamah (*Ramly & Ors v Jaffar* [1968] 1 MLJ 209).

[10] Berikut adalah alasan-alasan dan penemuan yang dibuat oleh mahkamah di dalam mencapai keputusan dan membuat penghakiman bagi menolak tuntutan plaintif-plaintif.

(a) SD2 sebagai seorang anggota polis mempunyai kuasa untuk menangkap tanpa waran ke atas 'any person who has been concerned in any offence committed anywhere in Malaysia which is a seizable offence under any law in force in that part of Malaysia in which it was committed or against whom a reasonable complaint has been made or credible information has been received or a reasonable suspicion exists of his having been so concerned'. Kuasa ini termaktub di bawah s 23(i)(a) Kanun Prosedur Jenayah.

(b) Tiada keperluan bagi pihak defendan untuk membuktikan bahawa terdapat keterangan prima facie tentang kesalahan yang dilakukan oleh pihak tahanan sebelum tangkapan boleh dibuat.

> ... it is unnecessary for the police to show that there was a prima facie proof of such offence. Suspicion in its ordinary meaning is a state of conjecture or surmise where proof is lacking. Suspicion can take into account matters that would not be put in evidence at all and suspicion can take into account also matters which, though admissible, would not form part of a prima facie case (*Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219, *Masa ak Nangkai & Ors v Edwin Nancha & Anor* [2005] 1 MLJ 581).

[11] Raja Azlan Shah J (pada ketika itu) di dalam kes *Shaaban* berkata:

> The extent of the power of a police officer to arrest without a warrant a person whom he suspects of having committed a seizable offence is enumerated in s 23(i)(a) of the Criminal Procedure Code, and the procedure to be taken after arrest is contained in s 28. To justify a police officer to arrest under s 23(i)(a) there must be a *reasonable complaint or suspicion or credible information of the person to be arrested having been concerned in a seizable offence*. It is not possible to lay down any abstract rule as to whether it may or it may not be a reasonable suspicion or complaint to insist upon without reference to the particular facts and circumstances which are established in the individual case. In any event it must be founded on some tangible legal evidence within the cognisance of the police officer to justify reasonable person in concluding that the suspect is guilty of a seizable crime. *The evidence need not be of such a nature as to constitute proof or to convince a court of law beyond a reasonable doubt*; it may, upon examination after arrest, turn out to be insubstantial so long as the arresting officer had some solid basis for believing it to be substantial at the time he acted. Thus it was held in *Re Charu Chandran Majumdar* AIR 1917 Cal 25 that the reasonable suspicion and credible information must be based upon definite facts which the police officer effecting the arrest must consider for himself before he acts under s 54 of the Indian Criminal Procedure. (Penekanan diberikan.)

[12] Mahkamah telah meneliti dan mengambilkira fakta-fakta dan keterangan berikut dalam memutuskan bahawa SD2 (defendan pertama) ada mempunyai alasan dan syak wasangka yang munasabah bagi melaksanakan tangkapan dan membuat tahanan ke atas defendan-defendan:

(i) SD2 telah menerima arahan dari Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Kelantan pada 1 September 1997 untuk menerima laporan polis dari SD1 mengenai kes kecurian kayu balak.

(ii) Laporan polis yang dibuat oleh SD1 mengenai kes kecurian kayu balak di kawasan Post Brook Gua Musang. Sebagai pegawai penyiasat, SD2 mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menjalankan siasatan.

(iii) SD2 telah menjalankan penyiasatan dan risikan bersama SD1 pada 10,

12 dan 13 September 1997 dengan pergi ke tempat kejadian dan menjalankan siasatan awal sebelum tangkapan ke atas plaintif-plaintif dan pekerja-pekerja syarikat pembalakan tersebut dibuat. Tangkapan hanya dilakukan pada 14 September 1997.

(iv) Keterangan SD1 yang menyatakan bahawa beliau telah membuat risikan dan penyiasatan selama dua bulan 13 hari di kawasan pembalakan tersebut dan telah memaklumkan perkara ini kepada Menteri Besar Kelantan sebelum laporan polis Gua Musang Report 1331/97 dibuat. Defendan pertama mempunyai asas dan kepercayaan tentang maklumat yang diberikan oleh SD1 di dalam proses penyiasatan beliau.

(v) Keterangan menunjukkan bahawa siasatan awal oleh SD2 menunjukkan hanya Blok 1 sahaja yang ada papan tanda mengenai kebenaran dan lesen pembalakan. Kawasan pembalakan lain yang dikatakan adalah kawasan pembalakan plaintif di Blok 2–5 tidak mempunyai papan tanda kebenaran/lesen membalak dari jabatan hutan.

[13] Mahkamah telah diyakinkan dengan keterangan yang diberikan oleh SD2 bahawa penahanan lanjut di bawah s 117 Kanun Prosedur Jenayah adalah wajar bagi beliau menjalankan siasatan. SD2 memerlukan masa untuk menjalankan siasatan lanjut termasuk merakamkan percakapan kesemua tangkapan seramai 19 orang. Urusan merakam percakapan hanya boleh dilakukan di antara jam 6 pagi hingga 6 petang sahaja mengikut peraturan lokap. Siasatan juga perlu dibuat di tempat pembalakan di dalam hutan kawasan Hulu Kelantan yang jaraknya adalah 120km dengan tempat tahanan ditempatkan di Balai Polis Gua Musang. Dalam masa yang sama, SD2 juga berhubungan dengan Jabatan Hutan Negeri Kelantan sebagai sebahagian daripada kerja siasatannya. Ini merupakan asas keperluan penahanan lanjut ke atas plaintif dan pekerja-pekerja syarikat tersebut.

[14] Perintah tahanan reman yang diperolehi oleh SD2 bagi penahanan lanjut plaintif-plaintif dan lain-lain pekerja syarikat pembalakan tersebut adalah merupakan 'judicial act' oleh majistret yang mengeluarkan perintah tersebut. Tiada tindakan boleh diambil terhadap defendan pertama atau mana-mana anggota polis yang menjalankan tugas rasminya. Seksyen 32(i) Akta Polis 1957 memberikan imuniti kepada beliau. Tambahan pula penahanan lanjut tersebut adalah merupakan pematuhan kepada suatu 'lawful order' yang dibuat oleh badan yang berkompeten dan dengan 'lawful authority' (sila rujuk *Saul Hamid bin Pakir Mohamad v Inspektor Abdul Fatah bin Abdul Rahman & Anor* [2007] 6 MLJ 47; [2007] 5 CLJ 93, *Madjai bin Sanusi v Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors* [2000] 5 MLJ 116; [1999] 7 CLJ 569).

[15] Mahkamah mendapati bahawa defendan pertama telah bertindak secara yang munasabah di dalam membuat tangkapan ke atas plaintif-plaintif dan seterusnya membuat tahanan terhadap mereka. Semasa melakukan tangkapan, defendan pertama telah mempunyai syak wasangka yang munasabah (reasonable suspicion) tentang terdapatnya kegiatan mencuri balak di kawasan pembalakan yang melibatkan plaintif-plaintif di dalam kes ini.

[16] Dari keterangan yang dikemukakan mahkamah juga mendapati tiada sebarang bukti tentang 'mala fide' di pihak defendan pertama di dalam melakukan tangkapan tersebut dan dalam masa yang sama juga mahkamah memutuskan beliau telah bertindak secara 'bona fide' di dalam menjalankan tugasnya sebagai pegawai penyiasat di Jabatan Siasatan Jenayah IPK Kota Bharu.

[17] Mahkamah memutuskan bahawa tuntutan plaintif-plaintif ke atas pihak defendan-defendan adalah tidak berasas dan dengan ini ditolak dengan kos.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

Reported by Kanesh Sundrum